

14 SEP 1998

BBC-Sokong

KELAB PENYOKONG KERAJAAN AKAN TEMUI DR MAHATHIR ESOK

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Anggota Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok bagi menyatakan sokongan mereka terhadap pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan dalam kerajaan dan parti.

Presiden kelab itu Ruhanie Ahmad berkata hari ini pertemuan itu akan diadakan pada pukul 2.30 petang esok di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Selain menyatakan sokongan kelab itu, perbincangan juga akan diadakan dengan Dr Mahathir mengenai peranan anggotanya dalam memberi penjelasan kepada rakyat mengapa tindakan pemecatan itu diambil, katanya pada persidangan media di bangunan Parlimen.

Sehubungan itu, Ruhanie yang juga anggota Parlimen kawasan Parit Sulong berkata mesyuarat kelab itu pada petang ini membuat keputusan menyokong sepenuhnya tindakan Perdana Menteri itu.

Katanya, anggota kelab yakin tindakan itu dibuat dengan bijaksana dengan berlandaskan kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Kami menyokong segala keputusan, tindakan, strategi dan dasar kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri untuk memulihkan kegawatan ekonomi negara tercinta ini," katanya.

Seramai 52 daripada 90 orang anggota parlimen dari semua parti komponen BN termasuk dari Sabah dan Sarawak menghadiri mesyuarat itu.

Ruhanie berkata anggota yang tidak hadir kerana menghadiri urusan rasmi atau berada di luar negeri telah menyatakan sokongan melalui surat atau menelefon beliau.

Beliau juga meminta rakyat jelata di semua peringkat memberi sokongan padu kepada kepimpinan kerajaan untuk menangani masalah yang wujud sekarang secara berhemah.

"Moga-moga Tuhan akan sentiasa memberi petunjuk ke arah perjuangan di atas jalan yang lurus demi untuk menegakkan kebenaran," katanya.

Anwar dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu ekoran dakwaan perbuatan tidak bermoral.

-- BERNAMA

NZ NMO